

U B026 DEB  
MAHATHIR - ISLAM

KUALA LUMPUR, 6 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN MASYARAKAT ISLAM NEGARA INI SUPAYA MENGUTAMAKAN SIKAP AMANAH DAN JUJUR DALAM SEMUA JENIS PERNIAGAAN YANG DICEBURI.

PERBUATAN TIDAK AMANAH DAN TIDAK JUJUR DALAM PERNIAGAAN AKAN MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN ORANG LAIN KEPADA ORANG ISLAM, SELAIN MENYUKARKAN PERNIAGAAN ORANG ISLAM SENDIRI, KATANYA.

SEMASA BERUCAP MELANCARKAN YAYASAN NADWAH AKADEMI ISLAM (NADI) BERHAD DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA RAMAI UMAT ISLAM KINI ENGGAN TERBABIT DALAM PERNIAGAAN YANG DIHARAMKAN ISLAM TETAPI KALANGAN MEREKA ITU TIDAK PULA MENGUTAMAKAN SIKAP AMANAH DAN JUJUR APABILA BERNIAGA.

+ADA YANG MEMINJAM WANG DENGAN NIAT TIDAK MAHU MEMBAYAR, MENGGUNAKAN DUIT PINJAMAN UNTUK KEGIATAN LAIN, MELESAPKAN WANG YANG DIAMANAHKAN DAN ADA YANG BERJANJI MEMBEKALKAN BARANG-BARANG TERTENTU TETAPI MENGGANTIKANNYA DENGAN BARANG LAIN YANG BERMUTU RENDAH,+ KATANYA.

PERBUATAN-PERBUATAN SEPERTI INI, TEGASNYA, TIDAK KURANG BURUKNYA DARIPADA PERNIAGAAN YANG DIHARAMKAN TETAPI GEJALA-GEJALA INI TIDAK DITITIKBERATKAN OLEH SESETENGAH UMAT ISLAM. -- LAGI  
1257MST 06 02 88

U B027 DEB  
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP NADI AKAN MENUNJUKKAN CONTOH BAIK DAN MENGEKALKAN PRESTASI TINGGI DALAM BIDANG PERNIAGAAN YANG DICEBURI SUPAYA +DAKWAH YANG DILAKUKANNYA TIDAK TERHAD KEPADA KATA-KATA SAHAJA+.

KEGAGALAN YAYASAN BUKAN SAHAJA MERUGIKAN UMAT ISLAM TETAPI SEDIKIT SEBANYAK MENCEMARKAN KEWIBAWAAN ISLAM SENDIRI, KATANYA.

BELIAU MENYAMBUT BAIK RANCANGAN YAYASAN MENGADAKAN KEGIATAN-KEGIATAN MEMBERI KEFAHAMAN ISLAM KEPADA ANGGOTA-ANGGOTANYA DI SAMPING MENJALANKAN KEGIATAN EKONOMI UNTUK SUMBER KEWANGANNYA SENDIRI.

DASAR YAYASAN UNTUK BERDIKARI DALAM MENJALANKAN KEGIATAN KEISLAMANNYA ADALAH MENGGALAKKAN KERANA KINI BANYAK ORGANISASI YANG MENGHARAPKAN BANTUAN KERAJAAN UNTUK MEMBIAYAI KEGIATAN MEREKA, KATANYA.

TEGASNYA, JIKA MASYARAKAT ISLAM NEGARA INI INGIN MAJU TANPA MENJEJASKAN AGAMA SENDIRI, MEREKA MESTI PANDAI BERGERAK DALAM MASYARAKAT MAJMUK YANG ADA KERANA +MENGASINGKAN DIRI DARIPADA ORANG BUKAN ISLAM BUKANLAH CARANYA+.

-- LAGI  
1259MST 06 02 88

D099

U 8029 DEB  
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

SEHUBUNGAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN PARA ULAMAK ISLAM MEMBERI PERHATIAN KEPADA CARA ORANG ISLAM BOLEH BERINTERAKSI DENGAN YANG BERAGAMA LAIN.

KATANYA, PARA ULAMAK SENDIRI PERLU BERINTERAKSI DENGAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM SUPAYA SEGALA NASIHAT YANG DIBERIKAN ADALAH BERASASKAN PENGALAMAN SENDIRI.

MENURUTNYA, PERHUBUNGAN BAIK DAN MESRA PERLU DIKEKALKAN ANTARA ORANG ISLAM DENGAN BUKAN ISLAM UNTUK MENJAMIN KEAMANAN DI NEGARA INI SEBAGAIMANA YANG DITUNTUT ISLAM.

KEJADIAN-KEJADIAN SEMASA DALAM BIDANG POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL ADALAH KERANA UMAT ISLAM KERAPKALI BERTINDAK TIDAK SECUCUK DENGAN AJARAN ISLAM, UJARNYA.

KATANYA, MASYARAKAT ISLAM NEGARA INI, DENGAN ITU, MEMERLUKAN BIMBINGAN BUKAN SAHAJA MELALUI KATA-KATA TETAPI JUGA AMALAN YANG BOLEH MEMBUKTIKAN KEBENARAN AJARAN ISLAM. -- LAGI  
1303MST 06 02 88

D100

U 8030 DEB  
MAHATHIR - ISLAM 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SECARA KASARNYA, DAKWAH BOLEH DIBAHAGIKAN KEPADA DUA KUMPULAN SASARAN IAITU BAGI MENGUATKAN AKIDAH SERTA KEIMANAN ORANG ISLAM, DAN MENYAMPAIKAN MESEJ ISLAM KEPADA YANG BUKAN ISLAM.

+NIAT UMAT ISLAM SUPAYA AGAMA ISLAM TIDAK DISALAH ERTIKAN DAN MENYAMPAIKAN AJARAN ISLAM KEPADA MEREKA YANG BELUM MENGANUTINYA TERMASUK DALAM RUANGAN PERKARA YANG DITUNTUT OLEH ALLAH KE ATAS SETIAP UMAT ISLAM.+

BELIAU MENINGATKAN KEMBALI, BAGAIMANA RASULULLAH BERDAMPINGAN DENGAN ORANG BUKAN ISLAM SEMASA MENGEMBANGKAN AGAMA ISLAM DI MAKKAH DAN MADINAH.

BEGITU JUGA DENGAN USAHA ORANG ISLAM YANG MENJELAJAH KE NEGARA INI BEBERAPA ABAD DAHULU YANG MENDEKATKAN DIRI DENGAN RAKYAT TEMPATAN BUKAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR, BUKAN MUDAH BAGI ORANG ISLAM MENJALINKAN PERSEFAHAMAN DENGAN YANG BUKAN ISLAM TETAPI DENGAN IZIN ALLAH, USAHA DAN NIAT IKHLAS ITU AKAN DIBERKATI. -- BERNAMA  
1305MST 06 02 88